Muhammad Darma bin Abdullah lwn Pendakwa Raya

A

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — RAYUAN JENAYAH NO 41S-44–04 TAHUN 2017
GHAZALI CHA H
9 OKTOBER 2017

B

Keterangan — Saksi — Kegagalan untuk memanggil saksi — Sama ada terdapat keraguan yang munasabah dalam kes pendakwaan — Akta Keterangan 1950

C

Undang-Undang Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Perayu didakwa dan disabitkan di bawah s 506 Kanun Keseksaan — Mahkamah rendah mendapati perayu bersalah melakukan kesalahan — Sama ada elemen berjaya dipenuhi pihak pendakwaan — Sama ada terdapat kekhilafan fakta dan undang-undang — Sama ada sabitan selamat — Kanun Keseksaan s 506

D

E

Perayu telah didakwa dan disabitkan di bawah s 506 Kanun Keseksaan dan telah dijatuhkan hukuman penjara selama lima tahun dari tarikh hukuman dijatuhkan oleh mahkamah rendah. Perayu kini merayu atas sabitan dan hukuman tersebut. Perayu ialah Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Melor di mana lokasi kejadian didakwa berlaku. Perayu semasa memandu di lokasi kejadian telah memandu keretanya seperti mahu melanggar dan mengugut sekumpulan sepuluh orang pemain bola sepak di padang bola berdekatan. Poobalan, iaitu pengadu ('SP1'), mengadu bahawa perayu telah memandu keretanya dengan cara seakan-akan mahu melanggar SP1 dan rakan-rakanya yang berada di situ dan mengeluarkan kata-kata 'lain kali awak orang duduk di sini, saya langgar mati'. Perayu dan saksi pihak pendakwaan akur bahawa wujudnya seorang pengawal keselamatan bernama Gurpreet Singh berdekatan dengan lokasi tersebut semasa kejadian yang didakwa berlaku. Perayu juga menyatakan dia telah berjumpa dengan Gurpreet Singh tetapi tidak dipanggil sebagai saksi oleh pihak pendakwaan dan tidak menawarkan saksi ini kepada pembelaan. Perayu serta dua orang saksi pembelaan memberi keterangan bahawa terdapat masalah dan perselisihan faham di antara penduduk-penduduk Taman Melor dan pasukan bola sepak yang diketuai oleh SP1. SP1 telah berbincang berkenaan kejadian yang didakwa berlaku itu dengan Ravindran yang mengurus pasukan bola sepak tersebut pada malam 9 Ogos 2014 dan membuat laporan polis pada keesokan harinya. Persoalan yang timbul adalah sama ada terdapat apa-apa ketidakadilan, ataupun apa-apa penemuan mahkamah rendah yang menyebabkan sabitan tidak selamat yang telah dilakukan oleh mahkamah rendah di dalam membuat keputusan

F

G

H

I

A mengenai kes prima facie dan juga kegagalan perayu untuk menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan.

Diputuskan, membenarkan rayuan perayu; mengenepikan sabitan dan hukuman mahkamah rendah:

B

(1) Elemen kegentaran tidak dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Berdasarkan keterangan, timbul keraguan sama ada kereta perayu dipandu secara mahu melanggar, ataupun secara memandu merbahaya sahaja. Ini membawa kepada keraguan yang munasabah sama ada C kejadian yang didakwa tersebut berlaku atau tidak. Pihak pendakwaan gagal membuktikan elemen-elemen pertuduhan kepada tahap pembuktian prima facie (lihat perenggan 15 & 17–18).

(2) Watak Gurpreet Singh adalah material. Kegagalan pihak pendakwaan untuk memanggil Gurpreet Singh membawa kepada keraguan yang D munasabah dalam kes pendakwaan. Selanjutnya, penemuan mahkamah rendah bahawa 'Gurpreet Singh bukanlah seorang saksi material yang melihat dan berada di tempat kejadian pada ketika kejadian berlaku ...' sudah menyebabkan sabitan ke atas perayu tidak selamat dan sesuatu E yang merupakan salah arah oleh beliau (lihat perenggan 25 & 27).

(3) Terdapat percanggahan yang material di dalam keterangan saksi-saksi pendakwaan. Timbul persoalan sama ada ugutan yang didakwa adalah perayu akan melanggar mereka sekiranya mereka duduk di tempat itu, F ataupun sama ada sekiranya mereka bermain di padang tersebut. Oleh itu, terdapat keraguan berkenaan kata-kata yang kononnya dikeluarkan oleh perayu (lihat perenggan 28 & 32).

(4) Isu pertikaian di antara perayu dan pasukan bola sepak tersebut telah menimbulkan keraguan munasabah kepada kes pendakwaan. Isu G pertikaian tersebut, dalam konteks 'factual matrix' yang dapat dilihat dari keterangan, seharusnya diberi pertimbangan oleh mahkamah rendah. Kekhilafan ini telah menyebabkan sabitan ke atas perayu tidak selamat (lihat perenggan 41–42).

H (5) Isu kegagalan menyiasat, sekiranya diambil secara sendiri, atau 'in isolation' mungkin tidak banyak membantu pihak pembelaan. Namun, apabila diambil kira dengan isu-isu lain, ianya boleh membawa kepada penemuan bahawa mahkamah rendah tidak membuat penilaian maksima terhadap kes pendakwaan (lihat perenggan 46).

I (6) Kata-kata ugutan yang kononnya ditutur oleh perayu tidak dinyatakan dalam pertuduhan. Sekiranya diambil kira percanggahan keterangan berkenaan kata-kata yang didakwa ditutur oleh perayu, maka isu ini juga harus diambil kira. Pertuduhan terhadap perayu adalah defektif (lihat perenggan 48).

[English summary

The appellant was charged and convicted under s 506 of the Penal Code and was sentenced to five years imprisonment from the date of sentencing by the lower court. The appellant now appealed against the conviction and sentence. The appellant was the Chairman of Taman Melor Residents Association where the alleged incident occurred. The appellant while driving at the location of the scene had driven his car as if to go against and threatened a group of ten football players at a nearby football field. Poobalan, who was the complainant ('SP1'), complained that the appellant had driven his car in a way that seemed as if wanted to go against SP1 and his friends there and said 'lain kali awak orang duduk di sini, saya langgar mati'. The appellant and the prosecution's witness agreed that there was a security guard named Gurpreet Singh near the location during the alleged incident. The appellant also stated that he had met Gurpreet Singh but was not called as prosecution's witness and was not offered to the defence. The appellant and two defence's witnesses testified that there was a problem and misunderstanding between the residents of Taman Melor and the football team led by SP1. SP1 discussed the alleged incident with Ravindran who managed the football team on the night of 9 August 2014 and lodged a police report the next day. The question that arose was whether there was any miscarriage of justice, or any findings of the lower court that caused an unsafe conviction by the lower court in making a decision regarding prima facie case and as well as the failure of the appellant to cause reasonable doubt on the prosecution's case.

Held, allowing the appellant's appeal; setting aside the lower court's conviction and sentence:

(1) The element of intimidation was not proved by the prosecution. Based on the evidence, there was doubt whether the appellant's car was driven as if to go against, or dangerous driving only. This led to reasonable doubt whether the alleged incident occurred or not. The prosecution failed to prove the elements of the charge to prima facie stage (see paras 15 & 17–18).

(2) The character of Gurpreet Singh was material. The failure of the prosecution to call Gurpreet Singh raised reasonable doubt in the prosecution's case. Furthermore, the finding of the lower court that 'Gurpreet Singh was not a material witness that saw and was at the scene at the time of the incident ...' had caused the conviction on the appellant to be unsafe and this was a misdirection on her part (see paras 25 & 27).

(3) There was material contradiction in the evidence of the prosecution's witnesses. There was a question of whether the alleged threat was that the appellant would go against them if they were to sit there, or whether if they were to play at the field. Hence, there was doubt regarding the so-called words of the appellant (see paras 28 & 32).

(4) The issue of dispute between the appellant and the football team had raised reasonable doubt to the prosecution's case. The issue of the dispute, in the context of factual matrix which could be seen from the evidence, should be considered by the lower court. This errancy had resulted the conviction of the appellant to be unsafe (see paras 41–42).

(5) The issue of failure to investigate, if taken on its own, or in isolation may not help the defence much. However, when taken into account with other issues, it may lead to the finding that the lower court did not make a maximum assessment to the prosecution's case (see para 46).

(6) The words of intimidation allegedly spoken by the appellant were not stated in the charge. If the contradictory evidence of the words alleged by the appellant was taken into consideration, then this issue should also be taken into account. The charge against the appellant was defective (see para 48).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap sabitan dan hukuman, lihat 4(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2018 Reissue) perenggan 45–101.

Untuk kes-kes mengenai kegagalan untuk memanggil saksi, lihat 7(2) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 3581–3602.

Kes-kes yang dirujuk

Balasingham v PP [1959] 1 MLJ 193 (dirujuk)

Chian Swee Ong v PP [2010] 1 MLJ 16; [2010] 3 CLJ 799; [2009] 1 LNS 1063, MR (dirujuk)

Goh Han Heng v PP [2003] 4 SLR 374, MT (diikut)

Gollapa Avana Naik & Ors v The State [1968] Criminal Law Journal 929, MA (dirujuk)

Jamuna Chaudhary & Ors v State of Bihar [1974] 3 SCC 774, MA (dirujuk)

Jee Chai Foo v PP [2014] MLJU 709, MR (dirujuk)

Lee Kwan Who v PP [2009] 5 MLJ 301, MT (dirujuk)

Mohamed bin Kasdi v PP [1969] 1 MLJ 135 (dirujuk)

Mohd Soffian bin Mohd Yusof v PP [2015] MLJU 2357; [2015] 9 CLJ 1046, MT (dirujuk)

Olier Shekh Awoyal Shekh lwn Pendakwa Raya [2017] 1 MLJ 137; [2017] 2 CLJ 141, MP (dirujuk)

Ooi Choo Hock v PP [2014] 2 MLJ 200, MR (dirujuk)

PP v Mohamed Nor [1988] 3 MLJ 119, MT (dirujuk)

PP v Wong Moy [1988] 3 MLJ 280, MT (dirujuk)

Zainuddin bin Mahmud v PP [2010] 7 MLJ 789; [2010] 2 CLJ 512, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 ss 7, 8, 9
Kanun Keseksaan ss 503, 506

Amer Hamzah (Amerbon) bagi pihak perayu.
Deepa Thevaharan (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Ghazali Cha H:

ALASAN PENGHAKIMAN

[1] Perayu telah didakwa dan disabitkan di bawah s 506 Kanun Keseksaan di atas pertuduhan seperti berikut:

> Bahawa kamu, pada 09/08/14 jam lebih kurang 2000 hrs di tepi jalan berhampiran padang di Jalan Melor 4, Taman Melor Bukit Beruntung, dalam daerah Hulu Selangor, negeri Selangor, telah mendatangkan ketakutan secara jenayah kepada Poobalan A/L Mahalingam, KPT: 760905-10-5061 dengan cara mengugut mahu melanggar dengan menggunakan kereta jenis Honda Accord 2.4L I-VTEC (A) Nombor pendaftaran WA4699F yang dipandu olehnya untuk mendatangkan kecederaan kepadanya, dan dengan ini kamu telah melakukan kesalahan yang boleh di hukum di bawah Seksyen 506 Kanun Keseksaan.

[2] Atas sabitan tersebut mahkamah rendah telah menjatuhkan hukuman penjara selama lima tahun dari tarikh hukuman dijatuhkan.

[3] Perayu kini merayu kepada mahkamah ini atas sabitan dan hukuman tersebut. Alasan-alasan beliau terkandung di dalam petisyen rayuan beliau di ms 7–11 rekod rayuan.

FAKTA-FAKTA KES

[4] Secara ringkasnya, fakta-fakta kes ialah seperti berikut:

(a) intipati pertuduhan ialah bahawa perayu (SD1), yang berumur 70 tahun pada masa yang material, semasa memandu di lokasi kejadian telah memandu keretanya seperti mahu melanggar dan mengugut sekumpulan sepuluh orang pemain bolasepak di padang bola berdekatan;

(b) pihak pendakwaan memanggil empat orang saksi — SP1, SP2 dan SP3 yang merupakan pemain-pemain bola sepak yang berada di lokasi pada masa yang material dan pegawai penyiasat adalah SP4;

(c) pembelaan pula memanggil enam orang saksi — perayu sendiri (SD1), SD2 dan SD3 yang masing-masingnya merupakan penduduk Taman

Melor, SD4 dan SD5 — anak-anak perempuan perayu yang berada di dalam kereta perayu pada masa yang material dan SD6 iaitu pegawai penyiasat ganti;

(d) perayu mengaku bahawa beliau memandu keretanya melalui lokasi tersebut pada masa yang material. Beliau mengatakan bahawa kejadian yang didakwa itu tidak berlaku;

(e) SP1, iaitu pengadu, Poobalan, mengadu bahawa perayu telah memandu keretanya dengan cara seakan-akan mahu melanggar SP1 dan rakan-rakannya yang berada di situ; dan mengeluarkan kata-kata 'lain kali awak orang duduk di sini, saya langgar mati';

(f) SP1 menyatakan beliau berada di situ dengan pasukan bola sepaknya seramai sepuluh orang;

(g) perayu dan saksi pihak pendakwaan akur bahawa wujudnya seorang pengawal keselamatan bernama Gurpreet Singh berdekatan dengan lokasi tersebut semasa kejadian yang didakwa berlaku. SP1 mengesahkan fakta ini dan SP2 menyatakan bahawa lapan sehingga sembilan pemain bola sepak tersebut telah pergi bercakap dengan Gurpreet Singh selepas kejadian yang didakwa berlaku. Perayu juga menyatakan beliau telah berjumpa dengan Gurpreet Singh. Gurpreet Singh ini telah tidak dipanggil sebagai saksi;

(h) perayu ialah Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Melor di mana lokasi kejadian didakwa berlaku. Perayu sendiri, serta dua orang saksi pembelaan — SD2 dan SD3 — memberi keterangan bahawa terdapat masalah dan perselisihan faham di antara penduduk-penduduk Taman Melor dan pasukan bola sepak yang diketuai oleh SP1; dan

(i) pasukan bola sepak tersebut diurus oleh seorang individu bernama Ravindran. SP1 memberi keterangan bahawa beliau telah berbincang berkenaan yang kejadian yang didakwa berlaku itu dengan Ravindran pada malam 9 Ogos 2014 dan keesokan harinya dia telah membuat laporan polis diiringi oleh Ravindran — laporan polis beliau di eksh P1.

ALASAN-ALASAN RAYUAN

[5] Melalui petisyen rayuan oleh perayu, dan juga hujah-hujah peguambela perayu, mereka telah menimbulkan beberapa isu yang menyokong hujah mereka bahawa mahkamah rendah telah khilaf dalam membuat keputusan untuk mensabitkan perayu. Di antara alasan-alasan perayu ialah:

(a) Gurpreet Singh menyaksikan kejadian itu tetapi telah tidak dipanggil sebagai saksi pendakwaan dan tidak ditawarkan kepada pihak pembelaan pada akhir kes pendakwaan. Gurpreet Singh merupakan saksi-mata yang bebas pada masa material;

(b) mahkamah rendah gagal mengambil kira percanggahan material di dalam keterangan SP1 dan saksi-saksi pihak pendakwaan;

(c) mahkamah rendah gagal memberi pertimbangan kepada isu kewujudan 'prior bad blood' di antara pasukan bola sepak tersebut dan perayu, walaupun pembelaan telah mengemukakan keterangan bebas berkenaan isu ini yang tidak disangkal oleh pihak pendakwaan;

(d) fakta bahawa SP1 telah berbincang dengan Ravindran pada malam 9 Ogos 2014 dan juga telah pergi membuat P1 diiringi Ravindran tidak diambil kira;

(e) mahkamah rendah gagal mempertimbangkan keterangan SD6;

(f) siasatan pihak polis tidak lengkap kerana tidak menyiasat Gurpreet Singh, Ravindran dan isu perbalahan di antara perayu dan pasukan bola sepak atau Ravindran sebelum kejadian yang didakwa berlaku;

(g) elemen-elemen sabitan tidak dibuktikan; dan

(h) kertas pertuduhan tidak menyatakan kata-kata ugutan yang kononnya ditutur oleh perayu.

[6] Pihak responden dalam kes ini, melalui timbalan pendakwa raya, bertumpukan hujahannya bahawa keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan adalah lengkap untuk membuktikan elemen-elemen di bawah s 503 Kanun Keseksaan dan bahawa isu-isu yang dibangkitkan oleh pembelaan merupakan 'afterthought'.

PENEMUAN MAHKAMAH INI

[7] Mahkamah ini akur dengan prinsip mengenai rayuan yang adalah jelas seperti diputuskan di dalam banyak kes dan yang terbaru saya merujuk kepada kes Mahkamah Rayuan, *Chian Swee Ong v Public Prosecutor* [2010] 1 MLJ 16; [2010] 3 CLJ 799; [2009] 1 LNS 1063, di mana diputuskan seperti berikut:

> it is also a trite law that an appellate court should be slow to disturb the finding of facts of the trial judge unless it can be shown that the finding of facts is not supported by the evidence or it is against the weight of evidence or that it is a perverse finding.

[8] Mahkamah juga sedar dengan prinsip-prinsip dalam kes-kes *Balasingham v Public Prosecutor* [1959] 1 MLJ 193:

> An appeal is merely a continuation of proceedings by way of rehearing and litigants as well as the appellate court are entitled to know the reasons for the for the finding.

[9] Persoalannya ialah sama ada terdapat apa-apa 'miscarriage of justice', ataupun apa-apa penemuan mahkamah rendah yang menyebabkan 'unsafe conviction' yang telah dilakukan oleh mahkamah rendah di dalam membuat keputusan mengenai kes prima facie dan juga kegagalan perayu untuk menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan tersebut?

ELEMEN-ELEMEN SEKSYEN 503

[10] Untuk mensabitkan seorang OKT di bawah s 506 Kanun Keseksaan, elemen-elemen s 503 Kanun Keseksaan mestilah dibuktikan. Seksyen 503 dibacakan seperti berikut:

> Barang siapa mengugut hendak mendatangkan kepada seseorang apa-apa bencana kepada tubuh, nama baik atau harta orang itu, atau kepada kepentingan, dengan niat hendak menyebabkan kegentaran kepada orang itu, atau hendak menyebabkan orang itu melakukan apa-apa perbuatan yang ia tidak terpaksa di sisi undang-undang melakukan, atau meninggalkan daripada melakukan apa-apa perbuatan yang ia berhak di sisi undang-undang melakukan, sebagai jalan bagi mengelakkan pelaksanaan ugutan itu, adalah melakukan kesalahan menakutkan secara

Merujuk dalam kes *Zainuddin bin Mahmud v Public Prosecutor* [2010] 7 MLJ 789; [2010] 2 CLJ 512:

> (1) Threatening another (the complainant) with any injury to his (her) person (first ingredient); and
>
> (2) Intent to cause alarm to that person (the complainant) (second ingredient)

[11] Dalam rayuan ini, walaupun dalam pertuduhan tidak terkandung kata-kata yang didakwa perayu telah dikatakan kepada SP1, kata-kata yang diketengahkan dalam keterangan ialah sama ada — 'lain kali awak orang duduk di sini', atau 'kalau dia tetap bermain di padang tersebut'.

[12] Timbalan pendakwa raya berhujah bahawa dalam apa jua keadaan pun, kata-kata tersebut ialah bersifat ugutan di dalam maksud s 503.

[13] Peguambela pula berhujah bahawa sekiranya pun kata-kata itu ditutur oleh perayu ianya merupakan satu ugutan bersyarat atau 'qualified or conditional threat' memandangkan penggunaan kata-kata 'lain kali'. Oleh itu, hujah peguambela, tidak terdapat elemen kegentaran atau 'alarm', kerana ugutan yang didakwa itu, sekiranya ada pun, adalah satu ugutan yang bersyarat.

[14] Mahkamah dirujuk kepada kes *Public Prosecutor v Mohamed Nor* [1988] 3 MLJ 119 di mana Mahkamah Tinggi telah membuat penemuan seperti berikut:

On the threat of the respondent saying 'jika awak tidak keluar daripada rumah saya, akan ada tumpah darah', it is quite clear that this is a threat which is far beyond the meaning of reasonable force, but then it is hedged with a qualification, ie 'jika awak tidak keluar daripada rumah saya'. It is only if the complainant and his two friends refuse to leave the respondent's house that bloodshed will follow. *It cannot be said that the threat had caused any alarm of injury to the complainant unless the complainant adamantly refuses to leave the respondent's house and only then, it can be said there is this element of alarm.* — di ms 120, perenggan e–f.

[15] Oleh yang demikian, mahkamah ini berpendapat bahawa elemen kegentaran tidak dibuktikan oleh pihak pendakwaan.

[16] Berkenaan dengan dakwaan memandu kereta seperti mahu melanggar SP1 pula, mahkamah telah meneliti testimoni dalam nota keterangan:

(a) SP2 menyatakan:

> Belakang lagi ada banyak tempat duduk, tetapi kita pilih duduk depan itu jalan.
>
> Kereta tak ada masuk rumput, di atas jalan saja. Kereta keluar dari selekoh masuk jalan one way itu. Sudah dekat dengan saya, walaupun dia dekat dia tak ada masuk kawasan rumput sana.
>
> Rujuk: Rekod rayuan, Jld 2(a), ms 31.

(b) SP3 menyatakan:

> Kereta berhenti dekat bonggol. Kalau kereta mahu langgar, sudah langgar itu pokok ... Poobalan tak bangun, dia duduk saja.
>
> Rujuk: Rekod rayuan, Jld 2(a), ms 39.

[17] Dilihat bersama dengan keterangan yang lain, keterangan ini menimbulkan keraguan sama ada kereta perayu dipandu secara mahu melanggar, ataupun secara memandu merbahaya sahaja. Apabila diambil kira dengan keterangan-keterangan lain di atas, ini membawa kepada keraguan yang munasabah sama ada kejadian yang didakwa tersebut berlaku atau tidak.

[18] Pihak pendakwaan gagal membuktikan elemen-elemen pertuduhan kepada tahap pembuktian prima facie.

ISU PENGAWAL KESELAMATAN GURPREET SINGH

[19] Mahkamah rendah mengulaskan penemuan berkenaan Gurpreet Singh ini. Alasan penghakiman dibaca seperti berikut:

A Gurpreet Singh bukanlah seorang saksi material yang melihat dan berada di tempat kejadian pada ketika kejadian berlaku ...

Watak Gurpreet Singh ... 10 malam dan bukannya pada jam 8 malam ketika kejadian berlaku. Perbezaan jurang masa (selepas dua jam) tidak memberikan sebarang kelebihan kepada kes Pembelaan malah lebih bersifat terfikir kemudian
B dan mereka-reka serta mengubahsuai keterangan pembelaan daripada kewujudan seorang saksi yang tidak material dalam perbicaraan.

Rujuk: Alasan penghakiman: ms 46–47 rekod rayuan, Jld 1.

C **[20]** Akan tetapi, SP1, pengadu sendiri mengakui kehadiran pengawal keselamatan, Gurpreet Singh tersebut, selepas kejadian yang didakwa berlaku pada sekitar 8pm itu, dia pergi ke pondok pengawal:

Lepas itu dia pergi turun guard house. (merujuk kepada kelakuan perayu)

D Lepas dia pergi jumpa guard

Rujuk: Rekod rayuan, Jld 2(a), ms 16.

[21] SP2, yang merupakan anak lelaki SP1, menyatakan seperti berikut:

E Saya tahu bapa (iaitu SP1) ada cakap dengan guard masa dia pergi ambil motor. Saya ikut bapa ambil motor. Masa lalu pondok, bapa cakap dengan guard, tapi tak tahu cakap apa. Dia orang semua saya cakap itu pergi bersama bapa saya jumpa itu guard.

Ada 8 hingga 9 orang pergi jumpa cakap dengan guard.

F

Rujuk: Rekod rayuan, Jld 2(a), ms 28–29.

[22] SP3 juga menegaskan kehadiran pengawal keselamatan pada masa yang material.

G

[23] SP1 juga telah mengesahkan nama pengawal keselamatan tersebut:

Alamat dia saya dapat daripada guard. Nama guard Gurpreet Singh. Saya dapat alamat itu pada 10 Ogos 2014.

H Rujuk: Rekod rayuan, Jld 2(a), ms 14.

[24] Perayu pula, semasa pemeriksaan balas menyatakan bahawa beliau berhenti di pondok pengawal lebih kurang pada pukul 10pm untuk menyoal Gurpreet Singh sama ada apa-apa berlaku. Ini kerana Ravindran telah
I menelefon perayu untuk menegurnya berkenaan kejadian yang dikatakan berlaku. Keterangan perayu ini disokong oleh laporan polis perayu — eksh P4.

Selepas saya ke surau, saya terima satu panggilan telefon dari Ravi. Masa balik sekolah selepas ambil anak lebih kurang pukul 10.00 malam, saya ada berhenti di guard. Gurpreet ada di guard.

Rujuk: Rekod rayuan, Jld 2(a), ms 68.

[25] Mahkamah ini mendapati bahawa watak Gurpreet Singh adalah material. Ini adalah kerana:

a) kesemuanya enam orang saksi-mata memberi keterangan berkenaan apa yang berlaku pada jam 8pm, 9 Ogos 2014;

b) SP1 merupakan pengadu. SP2 merupakan anak lelaki SP1. SP3 pula merupakan kawan dan rakan pasukan bolasepak SP1. Mereka menyatakan bahawa kejadian ke atas mana perayu didakwa telah berlaku;

c) SD1 ialah perayu. SD4 dan SD5 merupakan anak-anak perempuannya yang berada di dalam kereta beliau pada masa yang material. Kesemuanya menafikan kejadian ke atas mana perayu didakwa; dan

d) satu-satunya saksi yang boleh dikatakan bebas ialah Gurpeet Singh ini. Tetapi beliau tidak dipanggil oleh pihak pendakwaan, dan juga pihak pendakwaan tidak menawarkan saksi ini kepada pembelaan.

[26] Mahkamah mengambil panduan dari kes-kes *Mohd Soffian bin Mohd Yusof v Public Prosecutor* [2015] MLJU 2357; [2015] 9 CLJ 1046, dan kes mahkamah tertinggi *Olier Shekh Awoyal Shekh lwn Pendakwa Raya* [2017] 1 MLJ 137; [2017] 2 CLJ 141.

Di kes Mahkamah Tertinggi *Ollier Shekh Awoyal*:

> SP2 dalam keterangannya telah menyatakan bahawa apabila diserang oleh perayu pada masa itu, beliau cuba melarikan diri ke arah rakan-rakannya yang sedang tidur tetapi dihalang oleh perayu yang berdiri di hadapannya ... keterangan penghuni lain tentang apa yang berlaku pada masa yang berkenaan dapat memberikan jawapan kepada persoalan yang timbul daripada keterangan SP2 itu. Pendek kata terdapat jurang luas dalam kes pendakwaan kerana terdapat keraguan serius berhubung apa yang sebenarnya berlaku pada malam itu di tempat kejadian dan menjadi kewajipan mahkamah ini untuk campur tangan dan memperbetulkan kesilapan yang dibuat oleh mahkamah bawahan ... — ms 160, perenggan 54.

Dalam kes *Mohd Soffian*, hakim telah membuat perhatian yang berikut:

> Saksi Mohd Alamin adalah seorang lagi pegawal keselamatan yang telah menyaksikan kejadian di mana percakapan saksi turut dirakamkan oleh pihak polis. Manakala saksi Shaqib Rasheed merupakan saksi penting yang dikatakan punca segala kejadian. Walaupun budi bicara pihak pendakwaan untuk memanggil siapa dan jumlah bilangan saksi, namum saksi-saksi yang disebutkan oleh peguambela telah menjadi saksi penting yang dapat membentangkan keseluruhan kes pihak pendakwaan. — ms 1063, perenggan 40.

[27] Berdasarkan penemuan mahkamah seperti yang dinyatakan di atas, mahkamah mendapati bahawa kegagalan pihak pendakwaan untuk

memanggil Gurpreet Singh membawa kepada keraguan yang munasabah dalam kes pendakwaan. Selanjutnya, penemuan mahkamah rendah bahawa 'Gurpreet Singh bukanlah seorang saksi material yang melihat dan berada di tempat kejadian pada ketika kejadian berlaku ...' sudah menyebabkan sabitan ke atas perayu tidak selamat dan sesuatu yang merupakan salah arah oleh beliau.

ISU PERCANGGAHAN SAKSI-SAKSI PENDAKWAAN

[28] Selanjutnya, setelah mendengar hujahan peguambela, hujahan pihak timbalan pendakwaraya dan meneliti nota keterangan, mahkamah ini berpendapat bahawa terdapat percanggahan yang material di dalam keterangan saksi-saksi pendakwaan. Dalam ini, mahkamah merujuk kepada kes-kes *Ooi Choo Hock v Public Prosecutor* [2014] 2 MLJ 200, *Jee Chai Foo v Public Prosecutor* [2014] MLJU 709, *Mohamed bin Kasdi v Public Prosecutor* [1969] 1 MLJ 135 yang digunapakai oleh mahkamah tertinggi dalam kes *Lee Kwan Who v Public Prosecutor* [2009] 5 MLJ 301, dan *Public Prosecutor v Wong Moy* [1988] 3 MLJ 280.

[29] SP1 menyatakan bahawa perayu mengutuskan kata-kata 'Lain kali awak orang duduk sini, saya langgar mati' kepadanya. Tetapi dalam laporan polis beliau, beliau melaporkan bahawa perayu menyatakan 'Beliau akan melanggar kami semua sampai mati'.

[30] Dalam pemeriksaan balas pula SP1, pengadu menyatakan 'tapi tak tulis dalam report P1. Masa report tak ingat apa Darma (perayu) cakap tak ingat. Saya tak tahu'.

Rujuk: Rekod rayuan, Jld 3(a), ms 1.

Rujuk: Rekod rayuan, Jld 2(a), ms 17.

[31] SP4, IO, pula berkata:

> Perkataan digunakan oleh OKT terhadap pengadu, kalau dia tetap bermain di padang tersebut, dia akan langgar. Ini perkataan-perkataan yang keluar dari mulut pengadu.

Rujuk: Rekod rayuan, Jld 2(a), ms 53.

[32] Oleh yang demikian timbul persoalan sama ada ugutan yang didakwa adalah perayu akan melanggar mereka sekiranya mereka duduk di tempat itu, ataupun sama ada sekiranya mereka bermain di padang tersebut. Mahkamah ini tidak dapat setuju dengan hujahan timbalan pendakwa raya bahawa ini merupakan percanggahan yang tidak material. Terdapat keraguan berkenaan kata-kata yang kononnya dikeluarkan oleh perayu.

[33] Berkenaan kereta yang dipandu oleh perayu pada masa yang material pula, SP4, iaitu IO, menyatakan bahawa warna dan jenama kereta tersebut dimaklumkan kepada beliau oleh SP1. Akan tetapi kesemua SP1, SP2 dan SP3 mengaku tidak tahu warna dan jenama kereta perayu.

[34] Seterusnya, SP1, pengadu memberi keterangan bahawa beliau bersama SP4, IO, telah pergi ke pondok pengawal keselamatan dan berjumpa dengan Gurpreet Singh, sebelum SP1 membuat laporan polis dalam eksh P1.

Rujuk: Rekod Rayuan, Jld 2(a), mukasurat 15.

[35] Tetapi, keterangan SP4 pula berlainan. SP4 menyatakan bahawa beliau hanya mengambil gambar pondok pengawal bersama jurugambar polis dan tanpa SP1. SP4 juga menyatakan bahawa hanya mengambil gambar dan tidak berbual atau menyoal Gurpreet Singh.

Rujuk: Rekod Rayuan, Jld 2(a), ms 50.

[36] Pihak pendakwaan membangkitkan alasan penghakiman mahkamah rendah yang menyatakan bahawa testimoni perayu bercanggah berkenaan pemain-pemain bolasepak yang berada di padang Taman Melor. Mahkamah ini telah meneliti alasan penghakiman tersebut dan nota keterangan dan tidak bersetuju dengan hujahan bahawa terdapat percanggahan material di dalam testimoni perayu berkenaan isu ini.

Rujuk: Rekod rayuan, alasan penghakiman, ms 37.

ISU PERTIKAIAN DI ANTARA PERAYU DAN PASUKAN BOLASEPAK TERSEBUT

[37] Semasa perbicaraan perayu telah mengutarakan keterangan bahawa terdapat perbalahan di antara penduduk-penduduk Taman Melor dan pasukan bola sepak SP1. Khususnya, kes pembelaan menegaskan bahawa perayu, sebagai pengerusi persatuan penduduk telah berlaku perbalahan dengan Ravindran sebelum kejadian yang didakwa berlaku.

[38] SP4, IO mengesahkan bahawa 'Pengadu, Poobalan ada kaitan dengan Ravindran, dia penaung bola sepak. Dia orang ada satu team, pengadu main dalam team ini'.

Rujuk: Rekod rayuan, Jld 2(a), ms 48.

[39] Mahkamah ini meneliti keterangan-keterangan yang berikut:

(a) SD2 dan SD3 mengesahkan bahawa terdapat pertikaian di antara perayu dan Ravindran berkenaan pasukan bola sepak pengadu;

(b) keterangan SD2 dan SD3 ini tidak dicabar dan tidak disangkal oleh pihak pendakwaan;

(c) SP1, pengadu, mengaku bahawa beliau menelefon Ravindran pada malam 9 Ogos 2014 dan membuat laporan polis beliau diiringi oleh Ravindran;

(d) SP3 memberi keterangan bahawa selepas kejadian yang didakwa berlaku 'Manager cakap esok kita bincang, baru pergi buat report'; dan

(e) SP3 memberi keterangan bahawa pada hari selepas kejadian berlaku, pasukan bola sepak tersebut, bersama-sama dengan Ravindran telah mengadakan satu mesyuarat untuk berbincang 'macam mana mahu gerak pergi bagi statement'.

[40] Berdasarkan kepada latar belakang ini, mahkamah ini memberi perhatian kepada keterangan SP1 yang menyatakan:

> Setuju saya buat report supaya Darma (iaitu perayu) tak datang kacau kami main bola lagi. Betul. Dia sudah 2 kali datang kacau. Saya tak mahu dia datang kacau kami lagi. Saya lastman team ini. Saya team captain.

Rujuk: Rekod rayuan, Jld 2(a), ms 17.

[41] Kesemua keterangan ini menimbulkan isu latar belakang kes ini dan telah menimbulkan keraguan munasabah kepada kes pendakwaan. Mahkamah rendah telah menggangap isu ini sebagai isu yang 'remeh dan tidak relevan'. Dengan segala hormatnya, mahkamah ini tidak bersetuju. Seksyen-seksyen 7, 8 dan 9 Akta Keterangan 1950 yang memaktubkan bahawa fakta-fakta yang menjadi sebab, kesempatan, atau kesan, atau motif adalah relevan.

[42] Dalam kes ini isu pertikaian di antara perayu dan pasukan bolasepak tersebut, dalam konteks 'factual matrix' yang dapat dilihat dari keterangan, seharusnya diberi pertimbangan oleh mahkamah rendah. Kekhilafan ini telah menyebabkan sabitan ke atas perayu tidak selamat.

[43] Mahkamah ini juga mengambil kira bahawa keterangan pembelaan berkenaan isu ini tidak dicabar dan tidak disangkal. Mahkamah juga mengambil panduan dari kes mahkamah Singapura *Goh Han Heng v Public Prosecutor* [2003] 4 SLR 374 yang memegang:

> ... the accused must adduce sufficient evidence of this motive so as to raise a reasonable doubt in the prosecution's case. Only then would the burden of proof shift to the prosecution to prove that there was no such motive.

SIASATAN TIDAK LENGKAP

[44] Pembelaan berhujah bahawa kes pendakwan tidak lengkap kerana IO tidak menyoal Gurpreet Singh, tidak menyiasat laporan polis perayu sendiri (eksh P4), tidak menyoal Ravindran dan tidak menyiasat pertikian di antara perayu dan pasukan bola sepak tersebut. Semasa perbicaraan, IO, SP4 bersetuju bahawa perkara-perkara tersebut tidak disiasat oleh beliau.

[45] Peguambela menggesa mahkamah ini untuk menghayati kes Mahkamah Agung India, *Jamuna Chaudhary & Ors v State of Bihar* [1974] 3 SCC 774, dan *Gollapa Avana Naik & Ors v The State* [1968] Criminal Law Journal 929.

Dalam kes *Jamuna Chaudhary* tersebut Mahkamah Agung India telah berpegang seperti berikut:

> The duty of the Investigating Officers is not merely to bolster up a prosecution case with such evidence as may enable the court to record a conviction but to bring out the real unvarnished truth.

Dalam kes *Gollapa Avana Naik* tersebut, telah dinyatakan bahawa:

> The police officers, like other State functionaries, are expected to exhibit impartiality in the discharge of their functions take and take a detached view in the situations they are called upon to tackle day in and day out, and to be fair both to the prosecution and the accused.

[46] Isu kegagalan menyiasat ini, sekiranya diambil secara sendiri, atau 'in isolation' mungkin tidak banyak membantu pihak pembelaan di sini. Namun, apabila diambil kira dengan isu-isu lain di atas, ianya boleh membawa kepada penemuan bahawa mahkamah rendah tidak membuat penilaian maksima terhadap kes pendakwaan.

KESIMPULAN

[47] Hakikatnya, mahkamah ini membuat penemuan seperti berikut:

(a) isu berkenaan pengawal keselamatan, Gurpreet Singh, yang tidak dipanggil sebagai saksi telah menyebabkan sabitan ke atas perayu tidak selamat. Berdasarkan isu ini sahaja, rayuan ini harus dibenarkan;

(b) selanjutnya, terdapat percanggahan yang material di dalam kes pendakwaan. Percanggahan-percanggahan ini tidak diambil kira oleh mahkamah rendah. Isu ini juga membawa kepada keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan;

(c) seterusnya, isu latar belakang berkenaan Ravindran, pengurus pasukan bola sepak pengadu, dan juga pertikaian di antara perayu, dalam

A perananya sebagai Pengerusi Persatuan Penduduk-Penduduk di kawasan tersebut, harus diambil kira. Keterangan-keterangan berkenaan isu ini apabila diambil dalam konteks fakta-fakta kes ini telah membawa kepada satu keraguan dalam kes pendakwaan;

B (d) pihak pendakwaan gagal membuktikan elemen-elemen pertuduhan kepada tahap pembuktian prima facie; dan

(e) isu-isu di atas masing-masing mengakibatkan rayuan ini dibenarkan. Mahkamah ini juga menghayati kesemua isu-isu di atas secara keseluruhan dan mendapati bahawa, sekiranya dipertimbangkan secara C keseluruhan, adalah tidak selamat untuk menegakkan sabitan.

[48] Akhirnya, peguambela membangkitkan isu bahawa kata-kata ugutan yang kononya ditutur oleh perayu tidak dinyatakan dalam pertuduhan. Sekiranya, diambil kira percanggahan keterangan berkenaan kata-kata yang D didakwa ditutur oleh perayu, maka isu ini juga harus diambil kira. Pertuduhan terhadap perayu adalah defektif.

Oleh itu saya membenarkan rayuan perayu terhadap sabitan dan hukuman, sabitan dan hukuman oleh mahkamah majistret diketepikan.

E *Rayuan perayu dibenarkan; sabitan dan hukuman mahkamah rendah diketepikan.*

Dilaporkan oleh Ahmad Ismail Illman Mohd Razali

F

G

H

I